

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN / PENGHANTARAN PROPOSAL DARIPADA
SYARIKAT PEMBEKAL RANCANGAN SYNDICATED.**

1. HANYA PEMBEKAL / SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN MOF DAN KKMM SAHAJA DIBENARKAN MENGEMUKAKAN PROPOSAL / TAWARAN. SIJIL PENDAFTARAN HENDAKLAH BERSTATUS SAH LAKU SEKURANG-KURANGNYA ENAM (6) BULAN DARI TARIKH TUTUP PENDAFTARAN. SALINAN SIJIL YANG SAH HENDAKLAH DIKEMUKAKAN BERSAMA-SAMA PROPOSAL YANG DITAWARKAN. BAGI PEMBEKAL / SYARIKAT BUMIPUTERA SILA SERTAKAN SIJIL PENDAFTARAN TARAF BUMIPUTERA, BESERTA SALINAN.
2. SATU SALINAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT UNTUK TIGA (3) BULAN TERAKHIR PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA-SAMA PROPOSAL YANG DITAWARKAN.
3. SETIAP PEMBEKAL / SYARIKAT DIBENARKAN MENAWAR MAKSIMUM ENAM (6) TAJUK SAHAJA, SAMA ADA BAGI SATU KATEGORI ATAU PELBAGAI KATEGORI PADA TEMPOH PENAWARAN IKLAN YANG DITAWARKAN.
4. BAGI PEMBEKAL / SYARIKAT YANG INGIN MENYERTAI LEBIH DARIPADA SATU KATEGORI, PROPOSAL YANG DIHANTAR HENDAKLAH DIASINGKAN MENGIKUT KATEGORI, BESERTA DUA (2) SALINAN BAGI SETIAP KATEGORI YANG DITAWARKAN.
5. BAHAN *PREVIEW (SCREENER)* DALAM BENTUK DVD ATAU *PENDRIVE (DVD VIDEO/MP4)** PERLU DIHANTAR BERSAMA PROPOSAL BAGI SETIAP SATU TAJUK YANG DITAWARKAN. BAHAN *SCREENER* YANG DIHANTAR TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN KEPADA PEMBEKAL.
6. *SINOPSIS (DALAM BAHASA MELAYU TIDAK MELEBIHI 30 PATAH PERKATAAN) DAN FLYERS BERWARNA* PERLU DISERTAKAN DI DALAM PROPOSAL BAGI SETIAP SATU TAJUK YANG DITAWARKAN. SALINAN *SOFT COPY* * JUGA PERLU DISERTAKAN.
7. *KANDUNGAN SCREENER (DVD / PENDRIVE)* HENDAKLAH MENGANDUNGI PROGRAM SAHAJA TANPA BAHAN *PROMO (TRAILER) PROGRAM BERKENAAN ATAU PROGRAM LAIN*. BAHAN HENDAKLAH BERKUALITI UNTUK PROSES PENILAIAN. BAHAN *SCREENER* YANG TIDAK BERKUALITI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.
8. **SATU (1) SCREENER (DVD)** HENDAKLAH MENGANDUNGI **SATU (1) TAJUK PROGRAM SAHAJA**.
* PENGHANTARAN DALAM BENTUK *PENDRIVE* BOLEH DIMUATKAN DALAM SATU *PENDRIVE*.
9. SETIAP PROPOSAL YANG DIHANTAR **WAJIB TERTERA NOMBOR RUJUKAN (FAIL) SYARIKAT**.
10. HARGA TAWARAN MAKSIMUM BAGI SATU TAJUK RANCANGAN YANG DITAWARKAN TIDAK MELEBIHI **RM150,000.00 (KECUALI PROGRAM BERSIRI)**.

11. **PROPOSAL DAN SCREENER** HENDAKLAH DIHANTAR SECARA SERAHAN TANGAN DI KAUNTER URUS SETIA PADA ATAU SEBELUM TARIKH TUTUP PENDAFTARAN SEPERTI **LAMPIRAN A**. SEBARANG TAWARAN / CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PEMBEKAL SELEPAS TARIKH TUTUP PENDAFTARAN AKAN DITOLAK.
12. PEMBEKAL / SYARIKAT PERLU MEMASTIKAN PROGRAM YANG DITAWARKAN ADALAH BERKUALITI DAN KANDUNGANNYA SELARAS DENGAN KOD ETIKA PENYIARAN, LEMBAGA PENAPISAN FILEM (LPF) DAN GARIS PANDUAN SIARAN RTM SEDIA ADA.
** BUTIRAN GARIS PANDUAN BERKENAAN BOLEH DISEMAK DI LAMAN SESAWANG JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM) IAITU www.rtm.gov.my (klik awam dan kemudian klik panduan).*
13. PEMBEKAL / SYARIKAT MESTI MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGIKUT FORMAT BORANG STANDARD YANG DISEDIAKAN OLEH RTM SEPERTI **LAMPIRAN B**.
14. PEMBEKAL / SYARIKAT DIGALAKKAN MENGEMUKAKAN TAJUK-TAJUK RANCANGAN YANG MENAWARKAN DUA (2) KALI DUA (2) TAHUN TAYANGAN UNTUK SIARAN DI RTM.
15. HANYA PROPOSAL YANG LULUS SAHAJA AKAN DIBERITAHU KEPUTUSANNYA KEPADA PEMBEKAL. PEMBEKAL YANG TIDAK MENERIMA SEBARANG KEPUTUSAN DALAM TEMPOH SELEPAS 6 (ENAM) BULAN DARI TARIKH PENGHANTARAN PROPOSAL DIANGGAP TIDAK BERJAYA DAN TIADA SEBARANG SURAT PEMBERITAHUAN AKAN DIKELUARKAN KEPADA PEMBEKAL
16. JIKA ADA SEBARANG PERTANYAAN, PEMBEKAL / SYARIKAT BOLEH MENGHUBUNGI URUS SETIA DI TALIAN 03-22887821/7489/7754/7499/7498/7490